

UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

## SIARAN MEDIA

### MyCC ANJURKAN MESYUARAT JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN KALI KE-12

**KUALA LUMPUR, 7 NOVEMBER 2023** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Persaingan kali ke-12 (Jawatankuasa Khas) sejak penubuhannya pada tahun 2014. Jawatankuasa Khas ini merupakan platform bagi membolehkan pengawal-pengawal selia sektor utama di negara untuk membincangkan tentang perkembangan berkaitan persaingan dan merangka arah tuju masa hadapan untuk memperkuuh peruntukan persaingan dalam perundangan sektor masing-masing untuk kebaikan bukan sahaja pengguna tetapi juga ekonomi secara keseluruhannya.

Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Yunus, Penggerusi MyCC telah dihadiri oleh wakil-wakil dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), dan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).

Dalam Jawatankuasa Khas ini, MyCC telah berkongsi tentang perkembangan terkini mengenai tindakan penguatkuasaannya dan keutamaannya. Antara kes yang dikongsikan oleh MyCC adalah keputusan rayuan bagi keputusan kartel tipuan bida pertamanya di mana Tribunal Rayuan Persaingan (TRP) telah mengesahkan keputusan MyCC. Menariknya, berdasarkan keputusan rayuan oleh TRP, kumpulan kartel yang kalah dalam proses bidaan masih boleh didapati melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 walaupun tidak dianugerahkan kontrak tersebut. MyCC juga telah berkongsi bahawa keputusan akhir yang sangat dinantikan bagi kes yang melibatkan lima syarikat pengeluar makanan ayam dijangka akan dikeluarkan sebelum akhir tahun ini. Pihak-pihak yang terlibat telah mengemukakan representasi lisan dan bertulis yang kini sedang diteliti oleh MyCC.

Dari sudut perundangan pula, MyCC masih aktif menjalankan aktiviti pindaan undang-undang terhadap Akta Persaingan 2010 terutamanya dalam memperkenalkan rejim kawalan penggabungan. MyCC akan memastikan agar pindaan ini dapat disegerakan



**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**MEJA BERITA/EKONOMI**

terutamanya berikutan perkembangan terkini seperti penggabungan syarikat Sime Darby dan UMW yang akan menjadikan Sime Darby sebagai pemain automotif utama dan pengambilalihan FoodPanda oleh Grab yang telah menarik minat orang ramai. Pengenalan rejim kawalan penggabungan ini akan membolehkan MyCC untuk menangani sebarang kerumitan yang mungkin timbul berikutan penggabungan yang akan memberi kesan terhadap dinamik pasaran dan persaingan.

Dalam perkongsian berkenaan perkembangan terkininya, BNM telah berkongsi dalam Jawatankuasa Khas ini bahawa mereka telah mengeluarkan lesen kepada lima (5) bank digital pada September 2022 dan salah satu antara pemegang lesen ini dijadualkan akan merasmikan pembukaannya tidak lama lagi. Langkah BNM ini wajar dipuji dan inovasi seperti ini seharusnya digalakkan dan diteruskan. Tidak dinafikan bahawa ia dapat meningkatkan persaingan dan ini adalah penting untuk menurut permintaan pengguna moden hari ini yang sentiasa meningkat dan mereka sentiasa menginginkan produk dan perkhidmatan yang baru dan inovatif.

Turut dikongsikan semasa Jawatankuasa Khas ialah inisiatif ST dalam memacu usaha peralihan melalui penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber bahan api fosil. Usaha ST menyumbang kepada kelestarian alam sekitar ini dilihat sejajar dengan objektif antarabangsa untuk mengurangkan pelepasan karbon. Seperti ST, SPAN juga sedang mengatasi cabaran berkaitan bekalan air berikutan perubahan iklim meskipun sumber air di Malaysia yang banyak. Komitmen oleh ST dan SPAN ini adalah sejajar dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) yang bukan sahaja penting untuk membangunkan amalan yang mampan dari segi alam sekitar tetapi juga untuk perkembangan undang-undang dan dasar persaingan.

"Perkembangan undang-undang dan dasar persaingan di Malaysia berada di landasan yang betul. Kerjasama antara semua pengawal selia sektor dalam mengukuhkan perundangan dan dasar persaingan adalah sesuatu yang amat memberansangkan. Usahasama ini mempunyai kesan yang positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara. MyCC akan terus menganjurkan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Persaingan ini sebagai wadah untuk mengukuhkan undang-undang dan dasar persaingan," kata YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Yunus, Pengerusi MyCC.

**-tamat-**



UNTUK SIARAN SEGERA  
MEJA BERITA/EKONOMI

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Bahagian Komunikasi dan Advokasi

Telefon Bimbit: +6019 215 2273

Emel: [cad@mycc.gov.my](mailto:cad@mycc.gov.my)

### **Mengenai Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunakan kepada semua aktiviti komersial yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.

MyCC telah menyambut ulangtahun yang ke-12 pada 1 April 2023 dan seterusnya turut membuat pelancaran pengenalan penjenamaan semula logo demi meningkatkan identiti korporat. Logo ini menerap semangat dan jiwa organisasi di samping memperkuatkan kekuatan dan etika bekerja. Simbolik corak kupu-kupu secara global dikenali sebagai lambang ketahanan, perubahan, harapan dan kehidupan. Penjenamaan baru ini juga menonjolkan kesederhanaan yang halus yang melambangkan perubahan dan kematangan MyCC yang tersendiri.

Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

